19 APR 1985

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

# 'Bangga bangsa sendiri'

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa orang Melayu berbangga terhadap bangsa mereka setelah beberapa lama dihina.

Beliau menegaskan, tidak ada bangsa yang mahu dihina oleh sesiapa pun. Tetapi, katanya, bagaimana dapat kita dihormati kalau kecapaian kita adalah rendah.

Justeru itu kata beliau, jika bangsa Melayu mahu dihormati, mereka haruslah bekerja kuat.

"Jika orang Melayu masih lagi mempunyai pandangan sempit saya tidak nampak sebarang penyelesaian ke arah mencapai kemajuan," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di majlis 'Malam Puisi Panjang' untuk beliau di sini malam ini.